

LAMPIRAN A

Karun Acara Jenayah seksyen 173A(ii), 294(A), 295, 426(i).

Kuasa melepaskan daripada tuduhan dengan bersyarat atau tanpa bersyarat.

173A. (i) Sungguh pun ada apa-apa perkara yang terkandung dalam seksyen yang baharu sahaja disebutkan di atas tadi, maka Mahkamah adalah mempunyai kuasa yang terkandung dalam seksyen ini.

(ii) Apabila seseorang dituduh di hadapan Mahkamah kerana kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah dapati bahawa tuduhan itu adalah terbukti, tetapi pada pendapatnya, iaitu dengan memandang kepada kelakuan, rekod dahulunya, umur, kesihatan atau keadaan-keadaan akal orang yang dituduh itu, kesalahan itu adalah kecil atau ada keadaan-keadaan yang meringankan di bawah mana kesalahan itu dilakukan, nampaknya tiadalah sesuai dikenakan sebarang hukuman atau yang lain daripada hukuman pada dasar sahaja atau bahawa adalah sesuai melepaskan orang salah itu dengan bersyarat, iaitu tanpa mencatatkan hukuman sabit kesalahan, maka Mahkamah bolehlah membuat hukuman samada:—

- (a) menolak tuduhan atau aduan selepas daripada teguran atau amaran kepada orang salah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah itu; atau
- (b) melepaskan orang salah itu daripada tuduhan dengan bersyarat dikenakan bon jamin dengan penjamin-penjamin atau pun tidak, supaya ia berkelakuan baik dan hadir untuk hukuman sabit kesalahan dicatitkan dan hukumannya pada bila-bila masa ia dipanggil semasa dalam tempoh jaminan itu, iaitu tiada lebih daripada tiga tahun, sebagaimana yang dinyatakan dalam hukuman itu.

Syarat-syarat bon.

294A. Apabila mana-mana orang yang dikehendaki oleh Mahkamah supaya mengikat jamin dengan penjamin-penjamin atau pun tidak dan bon jamin itu adalah mengikat dirinya supaya menjaga keamanan atau mengikat dia supaya berkelakuan baik Mahkamah bolehlah menghendaki supaya dimasukkan dalam bon jamin itu satu atau dua syarat-syarat seperti yang berikut:

- (a) syarat untuk menghendaki orang itu di bawah penyeliaan orang lain yang disebutkan namanya dalam bon jamin itu untuk tempoh berapa lama seperti yang dinyatakan di dalamnya;
- (b) syarat menentukan yang dia di bawah mana-mana penyeliaan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah untuk mengenakan-nya;
- (c) syarat-syarat berkenaan dengan tempat kediaman, pekerjaan, pergaulan, menjauhi daripada minuman yang memabukkan atau berkenaan dengan hal-hal yang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah mengenkannya.

Hukuman pemerhatian polis.

295. (i) Apabila seorang telah disabitkan dengan satu kesalahan yang boleh diseksa dengan penjara selama dua tahun atau lebih dan ianya disabitkan sekali lagi di atas kesalahan yang lain yang boleh juga diseksa dengan penjara selama dua tahun atau lebih: -


- (a) Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyens bolehlah mengarahkan supaya dia dikenakan hukuman pemerhatian polis untuk berapa lama yang tiada lebih daripada tiga tahun, iaitu dimulai selepas sahaja habis hukuman yang dikenakan ke atasnya untuk kesalahan akhir itu;
- (b) Sesebuah Mahkamah Majistret bolehlah mengarahkan supaya ia dikenakan hukuman pemerhatian polis untuk tempoh yang tiada lebih daripada satu tahun lamanya iaitu dimulakan selepas sahaja daripada habis tempoh hukuman yang telah dijatuhkan ke atasnya untuk kesalahan-kesalahan yang akhir sekali.

(ii) Apabila mana-mana orang yang dikenakan hukuman pemerhatian Polis dan dalam masa ia masih dalam pemerhatian itu ianya dijatuhkan hukuman penjara dalam lingkungan Persekutuan Tanah Melayu maka sebarang masa ia berada di dalam penjara itu hendaklah ditolak daripada masa pemerhatian itu.

Hukuman membayar ongkos pendakwaan dan imbuhan.

426. (1) Mahkamah yang menjatuhkan hukuman sabu kesalahan ke atas seseorang kerana sebarang kesalahan jenayah, iaitu pada timbangannya, bolehlah membuat samada salah satu atau kedua-dua hukuman seperti yang berikut terhadapnya, iaitu:

- (a) Suatu hukuman untuk membayar sebarang ongkos pendakwaannya itu olehnya atau seahapianya sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah;
- (b) Suatu hukuman untuk pembayaran olehnya sebanyak yang telah ditetapkan oleh Mahkamah dengan jalan imbuhan kepada mana-mana juga orang, atau wakil-wakil mana-mana orang tubuh badan, nama atau hartanya telah tercedera oleh jenayah atau kesalahan itu yang mana terhadapnya hukuman itu telah dijatuhkan.



TAMAT



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

